

103
NO SOALAN :43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2015

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah penemuan utama *Forensic Audit Report* mengenai kerugian besar Syarikat Sime Darby sebanyak RM2.1 bilion; dan

(b) apakah tindakan "preventive" dan "curative" yang telah diambil dan mengapakah ia masih belum dibentangkan di Parlimen/diumumkan sepetimana yang dijanjikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penemuan utama Forensic Audit Report adalah bahawa terdapat bukti-bukti yang mengusulkan, secara prima facie, kemungkinan berlakunya kemungkiran tanggungjawab dan kewajipan serta kelakuan yang tidak sesuai. Susulan daripada penemuan tersebut, Sime Darby telah memfailkan saman sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Seri Ahmad Zubir Murshid dan empat individu lain (Defendant-Defendant) pada 23 dan 24 Disember 2010 atas kerugian yang dialami oleh Projek Petroleum Qatar, Projek Minyak Maersk Qatar, Projek Pembinaan Kapal Marin dan Projek Hidroelektrik Bakun (Oil & Gas Suit dan Bakun Suit).

2. Pada 13 Jun 2014, Sime Darby telah mengumumkan melalui Bursa Malaysia bahawa pada hari tersebut, kesemua defendant-defendant di dalam Oil & Gas Suit dan Bakun Suit telah bersetuju untuk penghakiman dicatatkan bagi pihak Sime Darby terhadap tuntutan-tuntutan yang dibuat ke atas defendant-defendant melalui saman sivil tersebut (Penghakiman

Persetujuan). Penghakiman Persetujuan tersebut adalah merupakan pengakuan liabiliti oleh defendan-defendant ke atas tuntutan-tuntutan Sime Darby berkenaan dengan penetapan ganti-rugi yang perlu dibayar oleh defendan-defendant kepada Sime Darby, dan jumlahnya akan ditaksirkan oleh Mahkamah pada masa akan datang.

3. Perlu juga dijelaskan di sini bahawa memandangkan kes saman sivil tersebut masih sedang menjalani proses undang-undang, Sime Darby telah dinasihatkan oleh peguam-peguam yang mewakilinya dalam kes ini bahawa laporan audit forensik tersebut adalah dokumen terlindung (privileged document) menurut undang-undang dan tidak boleh didedahkan kepada umum.

4. Sime Darby juga telah mengambil beberapa langkah “preventive” dan “curative” untuk memperbaiki tadbir urus Kumpulan seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan struktur Lembaga Pengarah dua peringkat yang menampilkan Lembaga Subsidiari Panji (Flagship Subsidiary Board/FSB) untuk setiap Bahagian dalam Kumpulan Sime Darby. Struktur lembaga dua peringkat ini diketuai oleh Lembaga Pengarah

Sime Darby dan disokong oleh FSB Bahagian. Setiap FSB Bahagian dipertanggungjawabkan dengan pengawasan operasi Bahagian berkenaan namun tertakluk pada arahan dan panduan Lembaga Pengarah Sime Darby, khususnya yang melibatkan strategi dan dasar. Setiap FSB Bahagian distruktur untuk memastikan komposisi yang seimbang, dengan ahli-ahli yang diambil daripada Lembaga Sime Darby dan Pengurusan Kanan, serta pakar-pakar bebas daripada industri. Di samping itu, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah turut ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya.

- (ii) Meluaskan skop Jawatankuasa Audit untuk merangkumi pengawasan perkara-perkara tadbir urus dan menamakan semula jawatankuasa tersebut sebagai Jawatankuasa Tadbir Urus & Audit.
- (iii) Meluaskan skop Jawatankuasa Pengurusan Risiko merangkumi kajian terhadap cadangan pelaburan dan memantau perlaksanaan strategi pengurangan risiko bagi cadangan tersebut.
- (iv) Mewujudkan Pejabat Pematuhan bagi membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam menyelaraskan kegiatan pengurusan risiko pematuhan dan memberikan jaminan yang

munasabah bahawa operasi dan kegiatan Kumpulan dijalankan selaras dengan semua keperluan undang-undang, polisi dalaman dan prosedur serta standard amalan perniagaan yang baik.

- (v) Memperkuuhkan pelaporan langsung fungsi Jaminan dan Pematuhan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Audit dan fungsi Pengurusan Risiko kepada Jawatankuasa Risiko. Ini membolehkan ketiga-tiga penjaga utama tadbir urus korporat tersebut beroperasi dengan tahap kesaksamaan dan kebebasan yang tinggi.
- (vi) Mengkaji semula proses dan had kuasa kelulusan bagi perbelanjaan untuk memperkuuhkan kawalan terhadap perbelanjaan.
- (vii) Menerbitkan Manual Ahli Lembaga Pengarah dan Buku Panduan Ahli Lembaga Pengarah untuk rujukan Lembaga Pengarah Sime Darby dan FSB yang mengandungi ketetapan undang-undang tentang peranan dan tanggung-jawab para Lembaga Pengarah.
- (viii) Memperkenalkan dan melaksanakan Kod Tatacara Perniagaan Sime Darby yang memberi panduan berkenaan taraf kelakuan yang diharapkan dari semua Lembaga Pengarah dan kakitangan Kumpulan. Semua Lembaga Pengarah dan kakitangan Kumpulan adalah wajib

berpegang teguh kepada semua prinsip dan piawaian ini.